

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	4/9/2019	MUKA SURAT	: 37
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Ketua Polis Negara syor laksana hukuman mandatori

Sebat pemburu haram

Oleh **SAVED HESHAM IDRIS**

pengarang@utusan.com.my

■ **TAPAH 3 SEPT.**

POLIS Diraja Malaysia (PDRM) mengesyorkan hukuman sebatan mandatori dikenakan terhadap pemburu haram, penjual dan penyeludup hidupan liar.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador berkata, PDRM dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) akan menguatkuasakan kira-kira 12 undang-undang sedia ada berhubung hidupan liar, hutan dan hidupan di laut.

Tegasnya, undang-undang tersebut akan dikuatkuasakan dan dimantapkan lagi dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram (AMLA).

“Ini perlu dilaksanakan memandangkan sejak puluhan tahun hutan yang merupakan khazanah negara dimusnahkan dan hidupan liar diburu.

“Kita juga akan lihat sekiranya masih belum dikuatkuasakan hukuman sebatan mandatori terhadap pemburu, penjual dan penyeludup yang terlibat dengan aktiviti haram,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas pelancaran Operasi Bersepadu Khazanah di Batalion 3, Pasukan Gerakan Am (PGA) di sini



ABDUL HAMID BADOR memeriksa perbarisan kawalan kehormat semasa merasmikan Operasi Bersepadu Khazanah di Batalion 3 PGA Bidor, Perak, semalam. - BERNAMA

hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim dan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Kesejahteraan Awam Bukit Aman, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani.

Antara undang-undang tersebut termasuk Akta Jabatan Alam Sekitar, Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997, Akta Hidupan Terkawal, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan Akta Perhutanan 2015.

Menurut Abdul Hamid,

dalam Operasi Bersepadu Khazanah, pihak berkuasa akan membawa individu dan sindiket yang terlibat ke muka pengadilan dan merampas semua harta yang diperolehi melalui aktiviti haram tersebut.

“Kita memberi mesej kepada pemburu dan penyeludup hidupan liar yang dipercayai bersekongkol dengan sindiket antarabangsa ini bahawa kita akan melindungi semua jenis hidupan liar yang terdapat di dalam negara,” katanya.

Menurutnya, PDRM juga

akan memperketatkan lagi syarat untuk mendapatkan lesen senjata api dan permit memburu.

“Sehingga kini, hampir 30,000 lesen senjata api telah dikeluarkan dan 7,400 daripada mereka diberikan permit untuk memburu dan syarat untuk mendapatkan lesen ini diperketatkan lagi.

“Malah lesen dan permit memburu dibatalkan dan ditarik balik bagi sesiapa yang tidak lagi relevan untuk memegang permit tersebut,” katanya.